

NO. SOALAN : 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7171

SOALAN:

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah diambil terhadap dalang yang cuba menyebarkan propaganda menghasut rakyat Negeri Sabah dengan mengeluarkan kenyataan untuk membawa Sabah keluar dari Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan memandang serius berhubung tindakan beberapa individu yang cuba menjadi dalang menyebarkan propaganda menghasut rakyat Negeri Sabah dengan mengeluarkan kenyataan untuk membawa Sabah keluar dari Malaysia. Sehingga bulan September 2014, pihak polis telah membuka tiga (3) kertas siasatan berhubung dengan kegiatan ini dan mereka kini sedang dikesan. Walaubagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mendedahkan perkara ini secara terperinci kerana dikhawatirkan akan mengganggu siasatan pihak polis.

Saya juga ingin menyeru semua pihak agar menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan propaganda menghasut rakyat Sabah untuk membawa Sabah keluar dari Malaysia ini demi menjaga keselamatan, kesatuan, memelihara keharmonian dan kesejahteraan rakyat yang dinikmati selama ini.